## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 5 JANUARI 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5. | KPKM NAFI DAKWAAN MAFIA KAWAL HARGA PADI, BERAS DAN BENIH, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE<br>AGRICULTURE MINISTRY DENIES PRESENCE OF CARTEL, MAFIA CONTROLLING PRICES OF RICE, PADDY SEEDS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2<br>AGRICULTURE MINISTRY DENIES CARTEL INVOLVING IN MANIPULATING RICE PRICE, NATION, SIN CHEW DAILY -7<br>PESAWAH SENGSARA, KARTEL TERUS 'BERKUASA', DALAM NEGERI, UM -7<br>'PADI INDUSTRY NEEDS REVAMP', NATION, THE STAR -11 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 6. | FISH BOMBERS IN SEMPORNA GET AWAY, BUT BOATS SEIZED BY AUTHORITIES, NATION, THE STAR -11 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7. | PINEAPPLE FARMER RUES CONTINUING FLOOD MISERY, NEWS, THE STAR -5 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 8.<br>9.<br>10.<br>11. | AGROBANK TAWAR BANTUAN KEPADA MANGSA BANJIR, NASIONAL, SH -18<br>AGROBANK UMUM PELAN BANTUAN BUAT MANGSA BAH, BISNES, HM -27<br>AGROBANK TAWAR MORATARIUM 6 BULAN, BISNES, BH -22<br>AGROBANK UMUM PELAN BANTUAN BANJIR, NIAGA, KOSMO -37 | AGROBANK |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/1/2024 | MALAYSIA DAILY NEWS | ONLINE | |

# KPKM nafi dakwaan mafia kawal harga padi, beras dan benih



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menafikan dakwaan kewujudan kartel atau "mafia" yang menentukan harga padi, beras dan benih padi di negara ini.

KPKM dalam kenyataan hari ini menjelaskan industri padi dan beras negara dikawal selia oleh Kawalselia Padi dan Beras (KPB) melalui Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan menerusi akta itu, kementerian melaksanakan aktiviti kawal selia melalui pelesenan dan penguatkuasaan untuk memastikan industri padi dan beras berkembang secara sihat dan teratur.

"Akta ini juga memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras dalam mengeluarkan lesen dan permit bagi urus niaga padi dan beras meliputi pengilangan, pemborongan, peruncitan, import atau eksport dan pemindahan antara negeri," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu turut memaklumkan pengeluaran sebanyak 39,000 pelbagai lesen seperti lesen borong beras, lesen eksport, lesen import, lesen kilang padi, lesen membeli padi, lesen beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi bagi benih padi sah (BPS) jelas menunjukkan tiada kartel atau mafia yang dimaksudkan wujud dan mampu memonopoli industri padi dan beras.

"Bagi BPS pula, KPKM memperuntukkan sebanyak 72,000 tan metrik BPS bagi memenuhi keperluan pesawah bagi 2023.

"Lesen pengilangan benih padi sah ini juga diberi kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi membekalkan benih padi kepada pesawah. Pengesahan BPS melalui ujian makmal dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian Malaysia," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, KPKM memberitahu pihaknya melaksanakan Task Force Operasi BPS pada 7 hingga 21 Nov tahun lepas dalam usaha memastikan semua peruncit menjual BPS mengikut harga ditetapkan kerajaan dan tiada sebarang unsur penyorokan BPS.

Melalui operasi berkenaan, KPKM menarik balik sebanyak 22 lesen penjualan BPS milik peruncit yang melanggar syarat lesen.

**Tindakan tegas batal lesen**

"KPKM memberi peringatan kepada semua pengilang, pemborong dan peruncit agar sentiasa mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan dalam isu ini.

"Tindakan tegas akan diambil seperti pembatalan lesen sekiranya didapati berlaku pelanggaran undang-undang," menurut kenyataan itu.

Para pesawah dan pengguna juga dinasihatkan supaya menyalurkan aduan atau maklumat secara rasmi kepada KPKM, jika terdapat sebarang pelanggaran undang-undang melalui portal aduan KPB iaitu https://skpb.kpkm.gov.my/adu atau emel [email protected] atau menerusi talian 03-88701751/1748/1183.

Terdahulu, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia Marzukhi Othman dilaporkan mendakwa wujudnya kartel atau "mafia" padi yang dimonopoli empat hingga lima syarikat besar sejak sekian lama dan telah mencorak hala tuju industri padi negara sehingga tercetusnya isu benih padi yang berlarutan setiap musim serta masalah bekalan beras.

*– Bernama*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Ministry denies presence of cartel, mafia controlling prices of rice, paddy seeds | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 05 Jan 2024 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 149 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,874 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,622 |



# 农业部否认卡特尔指控

（布城4日讯）农业及粮食安全部否认存在决定稻米、白米和稻种价格的“卡特尔”的指控，因为从总数3万9000个各类执照来看，并不存在垄断稻米及白米业的集团。

这些执照包括白米批发、进出口、碾米、稻米收购、白米零售，以及合法稻米种子销售特别执照。

农粮部今晚发文告说，该部门通过1994年稻米和白米管制法令，由稻米和白米监管局监管国家稻米和白米行业，而在这项法令通过许可和执法来实施监管活动，确保稻米和白米业健全发展。

“法令也赋权稻米和白米监管总监，通过发出涵盖生产、批发、零售、进出口和州际转移的稻米及白米交易执照和许可证。”

“至于合法稻米种子，农粮部分配7万2000吨合法稻种，以满足2023年的稻农需求。官联公司也获得生产合法稻种的许可证，以便向稻农供应稻种。马来西亚农业局负责合法稻米种子的实验室测试。”

“为了确保零售商根据政府定价销售合法稻米种子，以及没有收藏，合法稻米种子特工队在去年11月7日至21日展开行动。该期间，农粮部撤销22个违反执照条件的销售合法稻米种子执照。”

农粮部提醒厂家、批发和零售商守法，否则将受到对付。

**投报管道**

- 投诉网站：https://skpb.kpkm.gov.my/adu
- 官方电邮：aduankpb@kpkm.gov.my
- 布城热线：03-88701751/1748/1183

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture Ministry denies cartel involving in manipulating rice price | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 05 Jan 2024 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 7 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 160 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,564 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,691 |



## 農糧部駁斥米較業指控
# 沒有“卡特爾”操控米價

（吉隆坡4日讯）农业及粮食安全部否认所谓的“卡特尔”或“黑手党”操控国内的米价。

农业及粮食安全部今日发文告解释，我国的稻米与白米行业，是由稻米与白米监管单位（KPB）透过1994年稻米和白米管制法令（522法令）进行监管，并由农粮部通过许可证进行监管活动并加强执法，确保稻米与白米行业健康、正常生长。

“该法案还授权稻米与白米监管单位总监为稻米与白米交易颁发执照和许可证，涵盖生产、批发、零售、进出口和在各州流动。”

### 稻米白米业需多种许可证

农业及粮食安全部透露，当局至今已发放了3万9000份各种许可证，包括白米批发许可证、出口许可证、进口许可证、米较厂许可证、白米收购许可证、零售白米许可证以及销售合法稻米的特别批准（BPS），明确表明没有“卡特尔”或“黑手党”的存在，并够垄断稻米与白米行业。

与此同时，农业及粮食安全部也于去年11月7日至21日展开执法行动，确保所有零售商按照政府制定的价格出售合法稻米，并且不存在私藏稻米的情况。

通过此次行动，农业及粮食安全部共吊销22个违反许可条件零售商的销售许可证。

民众如果发现任何违法行为，也可透过稻米与白米监管单位的投诉网站https://skpb.kpkm.gov.my/adu 或 电邮至aduankpb@kpkm.gov，或拨电03-88701751/1748/1183向当局做出投诉。

马来西亚米较厂协会主席玛祖基早前向媒体揭露，声称国内有“卡特尔”或“黑手党”，导致国内白米和稻米长期被四到五家大公司垄断，并造成每个季节持续出现稻种问题和稻米供应问题。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |

# Pesawah sengsara, kartel terus 'berkuasa'



KEHIDUPAN pesawah terus senggara berikutan monopoli kartel-kartel yang mengawal harga dan bekalan benih sehingga menyebabkan petani terus terkesan seterusnya menanggung kerugian setiap kali musim penanaman padi. – UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Ketika kartel terus mewah, kehidupan pesawah terus senggara berikutan monopoli pihak terlibat yang mengawal harga dan bekalan benih sehingga menyebabkan petani terkesan seterusnya menanggung kerugian setiap kali musim penanaman padi.

Justeru, para pesawah menggesa kerajaan memantau dan mengambil tindakan tegas terhadap kartel atau 'mafia' padi ini agar pesawah tidak terus menjadi alat kepada kartel atau syarikat besar ini mengaut kemewahan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, antara paling ketara permainan kartel-kartel ini adalah berkaitan harga dan kelewatan bekalan benih padi setiap musim, sekali gus menjejaskan jadual penanaman para pesawah.

Katanya, kesan daripada itu, jadual penanaman jadi bertarabur dengan ada pesawah yang boleh mengusahakan awal dan ada yang terlewat seperti berlaku baru-baru ini.

Ujarnya, akibat kelewatan jadual penanaman tersebut juga menyebabkan pesawah terpaksa menanggung kerugian atau jika mendapat pendapatan sekali pun agak tidak setimpal.

"Akibat tindakan kartel-kartel yang memonopoli menentukan harga padi, benih ini mengakibatkan pesawah yang menjadi mangsa. Kehidupan pesawah bukannya senang dan terus terhimpit setiap kali musim penanaman padi akibat masalah berulang ini.

"Sejak satu dua musim kebelakangan ini, harga benih juga meningkat dengan lebih 50 peratus bekalan harga benih lebih RM50 sehingga RM60. Kartel-kartel ini terlalu berkuasa," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, kartel atau 'mafia' padi didakwa dimonopoli empat ke lima syarikat besar sejak sekian lama dan telah mencorak hala tuju industri padi negara sehingga tercetusnya isu benih padi yang berlarutan setiap musim serta masalah bekalan beras.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman mendakwa, syarikat terlibat juga mempunyai kilang-kilang padi di bawah penguasaan mereka termasuk mengeluarkan benih.

Dakwa Marzukhi, kartel-kartel tersebut berperanan cukup besar yang menentukan harga padi, beras dan pembekal benih padi sehingga ada yang mengenepikan arahan kerajaan.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* juga pernah melaporkan kira-kira 71,000 pesawah dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berdepan kerugian sehingga RM40 juta semusim jika mereka lewat mengusahakan sawah disebabkan tiada benih padi.

Isu kelewatan mengagihkan benih kepada pesawah di Kedah dan Perlis bawah MADA yang semuanya berkeluasan 100,000 hektar bukan perkara baharu tetapi berlarutan sejak beberapa tahun lalu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, isu kartel yang memonopoli bukan perkara baharu malah sudah berlarutan sejak sekian lama khususnya berkaitan benih.

Katanya, kartel-kartel tersebut perlu dibanteras agar manfaat kembali diperolehi pesawah.

"Kartel ini memperoleh keuntungan besar manakala pesawah ini hanya mendapat keuntungan kecil. Pihak kawal selia juga ada beberapa strategi atasi masalah ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/1/2024 | THE STAR | NATION | 11 |

# 'Padi industry needs revamp'

## Farmers urge govt to monitor prices of seeds, fertilisers

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

**ALOR SETAR:** It is high time the government revamp the management of the entire padi industry, including taking full control of seed and white rice production, say stakeholders.

Kedah Padi Planters Federation president Baharom Kasim urged the government to remove all cartels he believed had been behind the high cost of fertilisers, insecticides and even padi seeds.

"I believe the cartels are in control of the seeds, local white rice production and the fertilisers used by farmers.

"Some farmers complained to me that the seeds they bought were of poor quality, affecting 30% of their crops," he said.

Baharom added that padi seeds were an important element as they could determine the output and supply of rice to the public.

"I urge the government and its agencies to monitor seed producers so that prices can be controlled and not manipulated by anyone," he said.

Penang Agrotechnology, Food Security and Cooperative Development committee chairman Fahmi Zainol said that there were cartels behind the shortage of padi seeds in the country.

"To prevent manipulation and at the same time, control prices of padi seeds, as the state executive councillor, I will propose the creation of a padi seed bank in Penang.

"I believe this way, we can prevent any manipulation by irresponsible parties and subsequently, we can stabilise prices too," he said, adding that such a move would need the green light from various agencies.

Meanwhile, Kampung Pelet Farmers Area Organisations chairman Mohd Fauzi Hussin, 46, said besides the escalating padi seed prices, farmers also faced issues such as the weather, equipment, labour, wages, and others.

"This has become a burden for us. High prices, poor quality and low quantity of seeds. All these are affecting rice production, and because of this, the price of white rice will be high," he said.

He urged the government to provide affordable padi seeds to his organisation, so that they can be distributed fairly with the price being determined by the relevant authority.

Padi farmer Wan Maharuddin Sulaiman, 67, said the price of local white rice would remain high if nothing was done about the bloated padi seed prices.

"If the seed issues cannot be solved soon, I think the price of our local white rice will continue to increase," he said.

"We have no choice but to pay between RM55 and RM70 for every 20kg, which is much higher than the RM45 ceiling price."

The Agriculture and Food Security Ministry in a statement yesterday denied the existence of any cartel or mafia as claimed.

This is because production licences – including wholesale, export, import, padi mill, padi purchase, retail rice licences, as well as the Special Approval for Selling Certified Padi Seeds totalling 39,000 – clearly indicate that there is no such cartel or mafia capable of monopolising the rice and padi industry, it said.

It added that the rice industry is regulated by the Padi and Rice Control Authority under the Padi and Rice Control Act 1994.

# Fish bombers in Semporna get away, but boats seized by authorities

By DURIE RAINER FONG
newsdesk@thestar.com.my

**KOTA KINABALU:** The Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) has seized four boats believed to be involved in fish-bombing activities off Sabah's east coast Semporna district.

The fishermen, however, managed to give the MMEA the slip during an operation dubbed Op Pluto Timur at Tanjung Tabu-Tabu on Wednesday evening.

Semporna MMEA director Commander Amir Shubli said his men were conducting a routine patrol with two vessels when they spotted the four boats floating in a shallow area.

Those on board the boats were acting in a suspicious manner as they approached them.

"As soon as they got near to them, the fishermen jumped into the sea and swam to shore," he said in a statement.

He said following a check on the boats, almost 50kg of fish and bottles containing fertiliser – believed to be used as explosives to catch the fish – were found aboard.

Amir said they estimated the seized items, including the four boats, to be worth about RM20,000.

"The case is being investigated under Section 26 of the Fisheries Act 1985 for catching fish using explosives or poison, among others," he said.

He said the MMEA will not compromise with anyone found using explosives or harmful substances to catch marine life.

"Such actions are not only unlawful but can also endanger lives of those in the tourism industry, such as divers," he said, adding that it would also have negative effects on the ocean ecosystem.

Amir said Semporna MMEA will step up its patrols.

There have been fatalities over the years due to fish bombing in Sabah – these include two Chinese tourists and a Malaysian divemaster who died in Semporna in July 2019.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/1/2024 | THE STAR | NEWS | 5 |

JOHOR



Pineapple plantation in Benut, Pontian owned by Khalit being inundated during an earlier flood. He suffered losses amounting to RM200,000 from three years of floods.

# Pineapple farmer rues continuing flood misery

## Benut man suffers losses after heavy rain, hopes for aid

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

THE ongoing rainy weather has caused a pineapple farmer in Kampung Parit Abas, Benut, Pontian, to suffer losses of more than RM60,000.

Mohd Firdaus Satari said his plantation was inundated with water, the second time since the big flood that struck Pontian in 2020.

"After two days of heavy rain on Dec 5 and 6, the water rose quickly to knee level.

"On the morning of the third day, I was quite shocked to see that more than half of my 3.6ha plantation was submerged.

"The main problem with peat soil is that all plants will die if the land is exposed to too much water," he said, adding that he lost about 30,000 pineapple plants that day.

Mohd Firdaus lodged a police report over the matter and submitted a compensation appeal to Malaysian Pineapple Industry Board (LPNM).

"The plants cannot be easily replaced.

"It is hard to see what took years to be developed destroyed within seconds.

"I hope the government and LPNM can provide some aid to pineapple farmers like me," he said, adding that five pineapple farmers in Kampung Parit Abas were affected by the flood.

Mohd Firdaus said that the other issue with planting on peatland soil was that the trench tended to get clogged within a year.

"The structural compound of the soil is a bit loose, so, during rainy weather, the trench will be filled with sediment," he said.

> "The plants cannot be easily replaced. It is hard to see what took years to be developed destroyed within seconds."
> Mohd Firdaus Satari

Meanwhile, another farmer from Pontian, Khalit Kasmoin, 65, shared that he suffered losses amounting to RM200,000 during the monsoon seasons of 2019, 2020 and 2021.

"But this year I am quite lucky, as LPNM has built a water gate at the trench that prevents excess water from flowing into the plantation."

He said nothing could be done for his pineapple plants in previous years as flood waters covered his plantation for about 14 days before receding.

"Floods usually occur in Alur Bukit, Pekan Nenas, after a huge amount of water flows down from Gunung Pulai and meets high water levels in the surrounding rivers.

"The Drainage and Irrigation Department has also deepened some of the trenches and rivers around Alur Bukit to ensure that all pineapple farms in Pontian are protected," he added.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/1/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 18 |

# Agrobank tawar bantuan kepada mangsa banjir

**SHAH ALAM -** Agrobank mengumumkan pelan bantuan banjir bagi pelanggan sedia ada yang terkesan berikutan bencana yang melanda negara, baru-baru ini.

Pelan bantuan tersebut merupakan pelan bantuan pembayaran iaitu penjadualan atau penstrukturan semula pembiayaan dan tawaran moratorium sehingga enam bulan khusus untuk pelanggan bank yang layak.

Ia ditawarkan kepada pelanggan Agrobank terjejas akibat banjir di Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan negeri lain di seluruh negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Agrobank memahami kesukaran pelanggan terkesan akibat banjir.

"Agrobank proaktif dalam merangka pelan khusus mengurangkan beban dihadapi mereka dan diharapkan bantuan pembayaran ini membantu mereka mengharungi tempoh mencabar ini.

"Saya dimaklumkan ada antara pelanggan mengalami kerosakan harta benda, ladang dan kegiatan pertanian mereka. Ia secara tidak langsung memberi kesan kepada sumber pendapatan dan perniagaan mereka," katanya menerusi satu kenyataan.



*"Penjadualan atau penstrukturan semula pembiayaan sehingga enam bulan khusus untuk pelanggan layak."*

*- Tengku Ahmad Badli Shah*

Beliau berkata, ada pelanggan memerlukan penangguhan dalam melaksanakan tanggungjawab kewangan mereka untuk memulihkan semula perniagaan.

"Bagi pelanggan layak, mereka boleh memohon mendapatkan kemudahan membina semula perniagaan masing-masing. Kami di Agrobank akan menghubungi pelanggan bagi membantu mereka menghadapi situasi ini," kata Tengku Ahmad Badli Shah.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Bantuan Banjir Agrobank, sila hubungi pusat perkhidmatan pelanggan Agrobank di **1300-88-2476** atau boleh memohon di laman sesawang Agrobank di *www.agrobank.com.my* atau berkunjung ke mana-mana cawangan Agrobank.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 5/1/2024 | HARIAN METRO | BISNES | 27 |

# Agrobank umum pelan bantuan buat mangsa bah

**Kuala Lumpur:** Agrobank mengumumkan pelan bantuan banjir bagi pelanggan sedia ada yang terkesan berikutan bencana banjir yang melanda negara baru-baru ini.

Pelan bantuan ini merupakan pelan bantuan pembayaran iaitu penjadualan dan/atau penstrukturan semula pembiayaan dan tawaran moratorium sehingga enam bulan, khusus untuk pelanggan yang layak.

Ia ditawarkan kepada pelanggan Agrobank yang terjejas akibat banjir di Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan negeri-negeri lain di seluruh negara.

Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pihaknya memahami kesukaran pelanggan dan merangka pelan khusus untuk mengurangkan beban yang dihadapi.



*Kami di Agrobank juga akan turut menghubungi pelanggan kami bagi membantu mereka menghadapi situasi ini"*

**Tengku Ahmad Badli**

"Bantuan pembayaran ini membantu mereka dalam mengharungi tempoh mencabar ini.

"Saya dimaklumkan ada di antara pelanggan kami yang mengalami kerosakan pada harta benda, ladang dan kegiatan pertanian mereka. Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada sumber pendapatan dan perniagaan mereka," katanya.

Menurutnya, ada pelanggan memerlukan penangguhan dalam melaksanakan tanggungjawab kewangan mereka untuk memulihkan semula perniagaan.

"Justeru, bagi pelanggan yang layak, mereka boleh memohon untuk mendapatkan kemudahan bagi membina semula perniagaan masing-masing.

"Kami di Agrobank juga akan turut menghubungi pelanggan kami bagi membantu mereka menghadapi situasi ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/1/2024 | BERITA HARIAN | BISNES | 22 |

# Agrobank tawar moratorium 6 bulan

**Agrobank** menawarkan pelan bantuan pembayaran iaitu penjadualan atau penstrukturan semula pembiayaan dan tawaran moratorium sehingga enam bulan kepada pelanggannya yang terjejas akibat banjir.

Pelan ini ditawarkan kepada pelanggan Agrobank yang terjejas di Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan negeri lain di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, berkata pihaknya memahami kesukaran pelanggan yang terkesan akibat banjir baru-baru ini.

"Agrobank proaktif dalam merangka pelan khusus untuk mengurangkan beban yang dihadapi mereka dan diharapkan bantuan pembayaran ini dapat membantu mereka dalam mengharungi tempoh mencabar ini.

"Saya dimaklumkan ada di antara pelanggan kami yang mengalami kerosakan harta benda, ladang dan kegiatan pertanian mereka dan secara tidak langsung memberi kesan kepada sumber pendapatan dan perniagaan mereka," katanya dalam satu kenyataan.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, terdapat beberapa pelanggan yang memerlukan penangguhan dalam melaksanakan tanggungjawab kewangan mereka untuk memulihkan semula perniagaan.

> "Terdapat beberapa pelanggan yang memerlukan penangguhan dalam melaksanakan tanggungjawab kewangan mereka untuk memulihkan semula perniagaan"



*Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank*

Beliau berkata, bagi pelanggan yang layak, mereka boleh memohon untuk mendapatkan kemudahan bagi membina semula perniagaan masing-masing.

"Kami di Agrobank juga akan turut menghubungi pelanggan kami bagi membantu mereka menghadapi situasi ini," katanya.



*Penduduk ditimpa bencana banjir alami kerugian harta benda selain pendapatan turut terjejas* (Foto BERNAMA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 5/1/2024 | KOSMO | NIAGA | 37 |



BANJIR telah menyebabkan aktiviti pertanian dan penternakan tertangguh dan ini akan membebankan mangsa untuk menguruskan aliran tunai perniagaan masing-masing. – GAMBAR HIASAN

# Agrobank umum pelan bantuan banjir

**PETALING JAYA** – Agrobank mengumumkan pelan bantuan banjir bagi para pelanggan sedia adanya yang terkesan berikutan bencana banjir yang melanda negara baru-baru ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, ini adalah pelan bantuan pembayaran yang melibatkan penjadualan dan/atau penstrukturan semula pembiayaan serta tawaran moratorium sehingga enam bulan, khusus untuk mereka yang layak sahaja.

Menurut beliau, pelan ini ditawarkan kepada pelanggan Agrobank yang terjejas akibat banjir di Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan negeri-negeri lain di seluruh negara.

"Kami memahami kesukaran pelanggan yang terkesan akibat banjir baru-baru ini.



TENGKU AHMAD BADLI SHAH

"Agrobank proaktif dalam merangka pelan-pelan khusus untuk mengurangkan beban yang dihadapi mereka dan diharapkan bantuan pembayaran ini dapat membantu mereka mengharungi tempoh mencabar ini.

"Kami dimaklumkan ada di antara pelanggan kami yang mengalami kerosakan pada harta benda, ladang dan kegiatan pertanian mereka.

"Ini secara tidak langsung memberi kesan kepada sumber pendapatan dan perniagaan mereka," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Tengku Ahmad menjelaskan, ada juga pelanggan memerlukan penangguhan dalam melaksanakan tanggungjawab kewangan mereka untuk memulihkan semula perniagaan.

"Sehubungan itu, bagi pelanggan yang layak, mereka boleh memohon untuk mendapatkan kemudahan bagi membina semula perniagaan masing-masing.

"Kami di Agrobank juga akan turut menghubungi para pelanggan kami bagi membantu mereka menghadapi situasi ini," ujarnya.